

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terhadap mekanisme atau SOP baru untuk mempercepat proses permohonan kewarganegaraan di bawah Artikel 15A Perlembagaan Persekutuan untuk kanak-kanak tanpa dokumen (*stateless child*), seperti mana yang telah diumumkan oleh Menteri KDN pada hujung Disember 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Prosedur Pengendalian Standard (SOP) Permohonan Kewarganegaraan Di Bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan **dengan tempoh pemprosesan yang lebih singkat** telah sedia untuk dilaksanakan bagi **permohonan lengkap yang diterima mulai tahun 2020**.

Penambahbaikan SOP berkenaan adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan dan Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta turut mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.